

18/07/2001

ISA jika gejala buruk pelajar semakin bahaya

SHAH ALAM, Selasa - Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) jika gejala buruk yang mempengaruhi pelajar sekarang sudah sampai ke tahap berbahaya dan melampau.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, berkata gejala buruk itu jika tidak dikekang dari awal lagi akan melarat ke luar kampus dan akhirnya akan menyebabkan bencana atau kehancuran kepada negara.

"Ya, kita perlu menghentikan gejala ini dengan apa cara sekali pun. Sebab itulah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) perlu dikaji semula.

"Kita tidak mahu lihat berlaku bencana negara, kita mahu lihat keamanan, harmoni dalam negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Pengkisahan Sejarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini hari ini.

Beliau mengulas perkembangan semasa membabitkan sebilangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyertai aktiviti berbau politik serta demonstrasi menentang kerajaan.

Baru-baru ini polis menangkap Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Mohamad Fuad Mohd Ikhwan dan pelajar Institut Kemahiran Mara, Khairul Anwar Ahmad Zainuddin, mengikut ISA kerana terbabit dalam kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

Abdul Aziz berkata, keadaan yang berlaku di kampus hari ini mempunyai persamaan dengan keadaan pada awal 70-an apabila segelintir mahasiswa berdemonstrasi menentang kerajaan akibat hasutan anasir luar.

Malangnya, beliau berkata, kesan hasutan itu juga sudah mula bertapak di kalangan ahli politik pembangkang yang berterusan menghentam kerajaan dengan sokongan sebilangan mahasiswa yang terpedaya.

"Parti pembangkang mungkin seronok melihat adanya gejala yang tidak sihat ini, tetapi mereka juga akan menerima padahnya esok, anak-anak mereka juga akan menerima padahnya," katanya yang berharap kebakaran Dewan Tunku Canselor baru-baru ini bukan akibat perbuatan khianat.

Mengenai AUKU, Abdul Aziz berkata akta itu bertujuan melahirkan manusia yang matang dan bertanggungjawab, bukan yang berfikiran jumud akibat hasutan anasir luar.

Katanya, akta itu juga bukan untuk menyekat kebebasan pelajar kerana setiap kebebasan itu perlukan hadnya supaya ia tidak menjurus kepada kerosakan.

"Selepas 30 tahun AUKU diwujudkan, kita lihat pelajar masih progresif, waras, positif dan proaktif," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdul Aziz meminta pelajar melihat sesuatu perkara itu daripada perspektif yang luas, bukan daripada segi yang sempit dan dipengaruhi anasir tertentu.

(END)